

Rujukan Terma Kerajaan Tempatan (Local Government Reference of Terms)

Suzei Mat Nurudin*, Nor Suhaiza Md Khalid, Zarina Mohd Zain
Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, Persiaran Seremban Tiga/1,
Seremban 3, 70300 Seremban, Negeri Sembilan

*E-mel: suzei78@yahoo.com

Tarikh terima: 24 Oktober 2019

Tarikh diluluskan: 25 November 2020

ABSTRAK

Kerajaan tempatan atau juga dikenali sebagai pihak berkuasa tempatan merupakan unit terakhir dan terpenting dalam struktur pentadbiran kerajaan di Malaysia selepas kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Kerajaan tempatan bertanggungjawab sepenuhnya dalam penyampaian perkhidmatan serta penyediaan kemudahan asas kepada rakyat setempat yang berada di kawasan pentadbirannya. Kewujudan kerajaan tempatan adalah sebagai pemudah cara kepada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri kerana peranan serta tanggungjawab yang dipegang adalah besar terhadap pembangunan negara. Kajian ini membincangkan pemahaman pelajar terhadap kerajaan tempatan yang sering menimbulkan kekeliruan antara rakyat tempatan serta pelajar berkenaan dengan konsep yang sering digunakan dalam kerajaan tempatan beserta bidang kuasa yang berkaitan dengan kerajaan tempatan. Dengan terhasilnya Pocket Dictionary on Local Government, Glossary of Local Government Terms dan QR Code Mode for Local Government Terms Word Index ini, dapat membantu pelajar serta rakyat tempatan untuk lebih memahami mengenai kerajaan tempatan di Malaysia.

Kata kunci: Kerajaan Tempatan, Konsep, Bidang Kuasa, Autonomi dan Kerajaan

ABSTRACT

The local government or also known as the local authority is the last tier and most important unit in the government's administrative structure in Malaysia after the federal and state governments. Local government is fully responsible for the delivery of services as well as the provision of basic facilities to the local people within its administrative area that has been designated by the state government. The existence of local government acted as a facilitator to the federal government and the state government because the roles and responsibilities held by the local government are very large and essential to the nation's development. This study discussed students' understanding of local government where the average between people and students is particularly confused about the concepts that are often used in the local government as well as local government-related jurisdictions. With the creation of these Pocket Dictionary on local Government, Glossary of local government terms and QR Code Mode for Local Government Terms Word Index, it help students and the local people to better understand the local government in Malaysia by knowing the concepts related.

Keywords: *local government, concept, jurisdiction, autonomy and government*

PENGENALAN

Kerajaan tempatan merupakan unit atau institusi pemerintahan yang berkuasa di peringkat paling bawah dalam struktur kerajaan di Malaysia bagi tempat atau daerah kecil dengan kuasa yang telah ditentukan dan melaksanakan tugas pentadbiran masyarakat setempat di kawasan yang telah dikenal pasti oleh kerajaan negeri (Ahmad Atory Hussin, 1991). Sistem kerajaan di Malaysia yang mengamalkan sistem Federalisme mempunyai tiga sistem pentadbiran yang penting iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Dalam struktur pentadbiran sesebuah negara, sama ada dalam sistem demokrasi dan sebagainya, sesebuah kerajaan umumnya boleh diklasifikasikan kepada tiga peringkat iaitu Kerajaan Pusat (*Central Government*), Kerajaan Negeri (*State Government*) dan Kerajaan Tempatan

(*Local Government*). Struktur pembahagian tiga peringkat ini di amalkan oleh kebanyakan negara di dunia, terutamanya negara yang mengamalkan sistem persekutuan. Di Malaysia, senario yang sama wujud. Walau bagaimanapun, model kerajaan tempatan di Malaysia adalah berlainan daripada di Barat dari segi bidang kuasa kerajaan tempatan yang lebih luas. Namun, daripada beberapa aspek, masih terdapat persamaan dari segi kuasa yang di amanahkan dengan sistem yang dipraktikkan oleh pentadbiran kerajaan Inggeris (Mohd Razali, 1992). Apa yang diamalkan oleh kebanyakan negara Eropah dan negara maju lain, kerajaan tempatan merupakan antara badan yang memainkan peranan penting dalam kerja pemuliharaan dan pengekalan bangunan warisan. Jadi salah satu cara untuk membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ada ini menjalankan tugas seperti yang dirancang maka perlulah wujud satu akta yang kukuh bagi menyokong tugas dan peranannya. Di Malaysia, kerajaan tempatan adalah tertakluk kepada *Local Government Act 171* yang menggariskan bidang kuasa dan menjadi rujukan utama kerajaan tempatan dalam melaksanakan pentadbiran.

Di peringkat Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan organisasi terpenting sebagai pemacu menggerakkan pembangunan dalam kawasan pentadbirannya. Pihak Berkuasa Tempatan merupakan badan yang ditubuhkan melalui perundangan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan badan ini menjalankan urusan tadbirnya berdasarkan kuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang. Masyarakat kini menumpukan kepada pentadbiran yang lebih bersistematik, berkualiti tinggi dan pada masa yang sama boleh memenuhi keperluan semasa penduduk setempat. Oleh itu, kerajaan tempatan juga tidak dikecualikan daripada memenuhi harapan masyarakat setempat yang mahukan satu sistem pentadbiran yang efektif dan efisien di samping isu pemahaman yang rendah mengenai kerajaan tempatan dalam kalangan pelajar .

Kajian ini dibuat bagi melihat tahap pemahaman pelajar-pelajar Diploma Pentadbiran Awam di Universiti Teknologi MARA (UiTM) terhadap pelaksanaan kerajaan tempatan di Malaysia beserta konsep yang biasa di gunakan oleh pentadbiran kerajaan tempatan. Hasil daripada kajian mendapati bahawa pelajar memerlukan panduan yang lebih jelas sebagai salah satu kaedah pembelajaran. Maka pengkaji menghasilkan dua buku kecil yang bertajuk *Pocket Dictionary on Local Government* dan

Glossary of Local Government Terms. Manakala, *QR Code Mode for Local Government Terms Word Index* merupakan produk inovasi yang ketiga dalam bentuk mod kod QR yang ditampal pada manual kerajaan tempatan pelajar. Penghasilan produk inovasi tersebut adalah merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap konsep kerajaan tempatan. Di samping itu, produk ini juga boleh digunakan oleh masyarakat setempat dalam usaha mengenali dan memahami kerajaan tempatan. Dengan terhasilnya tiga produk ini, para pelajar dapat mengenali dan memahami konsep-konsep yang digunakan dalam kerajaan tempatan di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Pentadbiran kerajaan tempatan merupakan tingkat ketiga dan terpenting dalam kerajaan yang mana kerajaan tempatan adalah sistem pentadbiran yang paling hampir dengan rakyat. Ia menjadi salah satu kursus utama kepada pelajar-pelajar pentadbiran awam yang bakal menjadi pentadbir kerajaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberi pemahaman tentang konsep dan komponen utama dalam sistem kerajaan tempatan dan bagaimana ia berbeza dengan pentadbiran kerajaan negeri. Selain itu, objektif kajian ini juga bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelajar memahami dengan lebih jelas maksud terma-terma yang berkaitan dengan sistem pentadbiran yang biasa digunakan dalam urusan pentadbiran kerajaan tempatan. Kajian ini menjurus kepada pelajar pentadbiran awam yang mendaftar kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP).

PERNYATAAN MASALAH

Menerusi kajian awal yang di jalankan kepada pelajar semester lima Diploma Pentadbiran Awam mendapati tahap pemahaman pelajar mengenai kerajaan tempatan sangat rendah kerana masih terdapat pelajar yang tidak dapat membezakan bidang kuasa kerajaan negeri dengan kerajaan tempatan.

Di samping itu juga, terdapat banyak istilah yang pelajar harus ketahui dan fahami dalam sesi pengajaran bagi kursus kerajaan tempatan. Hasil daripada kajian yang di jalankan oleh Nor Suhaiza, Suzei dan Zarina (2017) mendapati tidak semua pelajar dapat membezakan bidang kuasa kerajaan tempatan dan kerajaan negeri. Masih terdapat pelajar yang keliru terhadap autonomi atau bidang kuasa yang dimiliki oleh kerajaan tempatan di Malaysia. Walaubagaimanapun terdapat 37% daripada pelajar sangat bersetuju bahawa kerajaan tempatan diletakkan di bawah pengawasan serta kawalan kerajaan negeri. Manakala terdapat 19% daripada pelajar kurang faham bagaimana kerajaan pusat serta kerajaan negeri boleh campur tangan dalam urusan pentadbiran kerajaan tempatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar masih belum jelas terhadap pelaksanaan pentadbiran kerajaan tempatan.

Disamping itu, hasil kajian juga menunjukkan sebilangan pelajar faham dan mengetahui autonomi yang dimiliki oleh kerajaan tempatan. Majoriti pelajar bersetuju dan faham akan struktur pentadbiran kerajaan tempatan boleh ada campur tangan daripada kerajaan negeri mengikut terma yang termaktub di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (171). Pada masa yang sama, pelajar juga faham dan tahu bagaimana kerajaan tempatan memperoleh sumber kewangannya seperti daripada denda, yuran perniagaan dan hasil utamanya iaitu cukai taksiran harta. Cuma pelajar mungkin kurang jelas bagaimana kerajaan tempatan mempunyai kuasa untuk membelanjakan sumber kewangan yang ada ke arah mencantikkan kawasan keliling serta untuk tujuan pembangunan setempat. Pelajar juga mungkin kurang pengetahuan berkaitan undang-undang kecil yang mana pihak kerajaan tempatan mempunyai kuasa menggubalnya. Pendedahan terhadap contoh undang-undang kecil kerajaan tempatan harus lebih ditekankan agar pelajar tahu serta tidak keliru dengan undang-undang yang sedia ada.

Dengan penghasilan tiga produk inovasi yang bertajuk *Pocket Dictionary on Local Government*, *Glossary of Local Government Terms* dan *QR Code Mode for Local Government Terms Word Index* dapat menyelesaikan permasalahan pelajar yang berkaitan dalam mengetahui dan memahami terma yang selalu digunakan dalam pentadbiran kerajaan tempatan.

TINJAUAN LITERATUR

Malcolm W. Norris (1980) dalam Phang (1989) memberikan definisi kerajaan tempatan sebagai “Kerajaan tempatan dalam konteks Semenanjung Malaysia bermaksud kerajaan di kawasan- kawasan bandar, luar bandar atau gabungan kedua-dua kawasan ini dan di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing. Kerajaan tempatan mempunyai kedudukan yang sah dan berdaulat daripada kerajaan tertinggi itu. Kerajaan tempatan ialah peringkat ketiga dalam struktur Persekutuan Malaysia.”

Kerajaan tempatan boleh didefinisikan sebagai subdivisyen politik dalam sesebuah negara (dalam sistem kerajaan persekutuan) atau negeri. Bidang kuasanya pula adalah seperti yang telah termaktub dalam Akta Kerajaan Tempatan dan dijelaskan secara terperinci berdasarkan kuasa dalam pentadbiran, kewangan dan juga fungsi kerajaan tempatan. Berdasarkan akta ini, kerajaan tempatan mempunyai kuasa tersendiri terhadap hal ehwal tempatan, termasuk kuasa mengutip hasil cukai (cukai taksiran) dan hasil bukan cukai (saman, kupon parkir dan lain- lain).

Badan yang mentadbir pula merupakan satu entiti yang dilantik atau dipilih oleh peringkat kerajaan yang lebih tinggi (misalnya dilantik oleh kerajaan negeri bagi setiap negeri atau dilantik oleh kerajaan persekutuan bagi setiap Wilayah Persekutuan (Sady, 1962; Athi Nahappan 1968, dalam Ahmad Atory Hussain, 1991). Badan yang mentadbir merujuk kepada ahli majlis yang mana kerajaan negeri akan melantik ahli majlis seramai lapan hingga 24 orang untuk mentadbir kawasan kerajaan tempatan yang telah ditetapkan.

Menurut Hill (1974), Kerajaan tempatan juga boleh didefinisikan sebagai satu unit sistem wilayah yang mana ditentukan oleh sempadan- sempadan, identiti yang sah, struktur institusi, kuasa dan tanggungjawab yang ditentukan secara am, kedudukan khas, tahap kewangan serta lain- lain autonomi. Kerajaan tempatan di Malaysia mempunyai keistimewaan tersendiri seperti yang digariskan dalam definisi di atas. Ini memberikan kemudahan bagi setiap kerajaan tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk setempat.

Kerajaan tempatan juga merupakan sebuah agensi awam yang menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat untuk penambahbaikan operasi (Kuppusamy, 2008). Bagi sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia, kerajaan tempatan adalah penyumbang utama yang menyediakan perkhidmatan yang paling dekat dalam pembangunan masyarakat terutamanya untuk rakyat setempat. Sebagai agensi yang terdekat dengan rakyat dan menjadi pusat penyertaan untuk pembangunan masyarakat, kerajaan tempatan di Malaysia memainkan peranan dan tugas yang penting dalam aspek pembangunan masyarakat. Ia berkaitan dengan penglibatan masyarakat dalam pentadbiran tempatan, penyediaan ruang perniagaan dan lain- lain perkhidmatan.

Penjelasan mengenai konsep kerajaan tempatan dalam konteks Malaysia boleh difahami menerusi Laporan Suruhanjaya Penyiasat DiRaja (1968) atau juga dikenali sebagai Laporan Athi Nahappan:

- (a) Sebuah kerajaan yang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal tempatan, yang mana kerajaan yang lebih tinggi (kerajaan pusat atau negeri) mewakilkan kuasa kepada kerajaan tempatan untuk mentadbir. Kuasa yang diwakilkan adalah terhad kepada kawalan oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri.
- (b) Kerajaan tempatan adalah bertaraf lebih rendah daripada kerajaan pusat atau negeri dan tertakluk di bawah kawalan kerajaan yang lebih tinggi. Kerajaan tempatan merupakan kerajaan ketiga selepas kerajaan negeri dan kerajaan pusat dan diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan negeri.
- (c) Mempunyai kuasa autonomi yang terhad sepertimana yang diberikan oleh kerajaan pusat atau negeri dan kebiasaannya berkaitan bidang kewangan dan pentadbiran. Kuasa ini adalah penting untuk memastikan kelancaran penyediaan khidmat kepada masyarakat setempat.
- (d) Kerajaan tempatan mempunyai ciri-ciri perwakilan dan bukan perwakilan. Sekiranya melalui pilihan raya, maka ianya berstatus perwakilan dan begitulah sebaliknya. Walaupun bersifat bukan perwakilan secara tidak langsung kerana ahli majlis tidak dipilih melalui pilihan raya sebaliknya dilantik oleh kerajaan negeri,

tetapi ahli majlis yang dilantik akan mewakili setiap wilayah yang telah ditetapkan oleh kerajaan tempatan dan secara tidak langsung dikehendaki mewakili rakyat setempat.

- (e) Kerajaan tempatan adalah badan berasingan daripada kerajaan pusat dan negeri serta unit-unit kerajaan tempatan yang lain. Kerajaan tempatan juga mempunyai kuasa untuk mendakwa, didakwa, membuat kontrak dan mempunyai harta. Ini untuk memudahkan proses membuat keputusan dan melancarkan tadbir urus kawasan pentadbiran kerajaan tempatan.
- (f) Fungsi kerajaan tempatan adalah memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan yang terletak di dalam kawasan sesebuah kerajaan tempatan itu. Fungsi yang jelas telah digariskan oleh Akta Kerajaan Tempatan 171 merangkumi semua jenis kerajaan tempatan seperti Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.


Berdasarkan definisi-definisi tersebut, dapat dirumuskan bahawa kewujudan pihak berkuasa tempatan yang menduduki peringkat terbawah selepas kerajaan negeri dan kerajaan pusat adalah penting dalam menyediakan khidmat dan menjalankan fungsi yang sangat dekat dengan masyarakat setempat.

DAPATAN KAJIAN

Kaji selidik yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif. Seramai 350 responden yang terdiri daripada para pelajar Diploma Pentadbiran Awam tahun akhir menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Hasil dapatan telah dianalisis menggunakan kaedah kekerapan, korelasi dan regresi. Berdasarkan pernyataan masalah dan hasil daripada analisis soal selidik kajian mendapati bahawa para pelajar menghadapi masalah dengan terma yang berkaitan dengan kerajaan tempatan. Dengan ini penulis menghasilkan produk inovasi yang dikenali sebagai *Pocket Dictionary on Local Government, Glossary of Local Government Terms dan QR Code Mode for Local Government Terms Word Index*.


ANALISIS

Hasil dapatan analisis kajian oleh Nor Suhaiza, Suzei dan Zarina (2017), memperincikan soalan kajian yang merujuk kepada objektif adalah seperti gambarajah di bawah.




Rajah 1: Objektif utama kerajaan tempatan

Rajah 1 mendapati 67% pelajar memahami objektif utama kerajaan tempatan yang mana objektif utama ini merujuk kepada objektif yang diperkenalkan oleh A.F. Leemans. Terdapat 32% pelajar sangat bersetuju bahawa objektif yang diperkenalkan sangat bersesuaian diguna pakai dalam pelaksanaan kerajaan tempatan di Malaysia.




Rajah 2: Ciri-ciri utama kerajaan tempatan di Malaysia

Rajah 2 mendapati bahawa 72% pelajar bersetuju serta faham akan ciri-ciri umum kerajaan tempatan yang mereka telah pelajari. Yang mana ciri-ciri umum ini amat jelas diterangkan kepada pelajar bagi mengelakkan pelajar keliru dengan struktur kerajaan yang lain. Manakala terdapat 25% pelajar yang sangat bersetuju terhadap ciri-ciri kerajaan tempatan yang diperkenalkan dalam pelaksanaan di Malaysia. Namun masih ada pelajar yang keliru serta kurang faham terhadap ciri-ciri kerajaan tempatan yang diperkenalkan sebanyak 3%.



Rajah 3: Autonomi Kerajaan Tempatan

Rajah 3 mendapati kebanyakan pelajar faham dan mengetahui autonomi yang dimiliki oleh kerajaan tempatan ini. Majoriti pelajar bersetuju dan faham akan struktur pentadbiran kerajaan tempatan yang membolehkan ada campur tangan daripada kerajaan negeri mengikut terma yang termaktub di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (171). Pada masa yang sama, pelajar juga faham dan tahu bagaimana kerajaan tempatan memperolehi sumber kewangannya seperti daripada denda, yuran perniagaan dan hasil utama iaitu cukai taksiran harta. Cuma pelajar mungkin kurang jelas bagaimana kerajaan tempatan mempunyai kuasa untuk membelanjakan sumber kewangan yang ada ke arah mencantikkan kawasan sekeliling serta untuk tujuan pembangunan setempat. Pelajar juga mungkin kurang pengetahuan berkaitan undang-undang kecil yang pihak kerajaan tempatan mempunyai kuasa menggubalnya. Pendedahan terhadap contoh undang-undang kecil kerajaan tempatan harus lebih ditekankan agar pelajar tahu serta tidak keliru dengan undang-undang sedia ada.



Rajah 4: Bidang Kuasa PBT

Rajah 4 mendapati tidak semua pelajar dapat membezakan bidang kuasa kerajaan tempatan dan kerajaan negeri. Masih terdapat pelajar yang keliru terhadap autonomi atau bidang kuasa yang dimiliki oleh kerajaan tempatan di Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat 37% pelajar sangat bersetuju bahawa kerajaan tempatan perlu diletakkan di bawah pengawasan serta kawalan kerajaan negeri. Terdapat 19% pelajar kurang faham bagaimana kerajaan pusat serta kerajaan negeri boleh campur tangan dalam urusan pentadbiran kerajaan tempatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar masih belum jelas terhadap pelaksanaan pentadbiran kerajaan tempatan.

KEBERHASILAN PROJEK

Pocket Dictionary on Local Government

Produk inovasi ini merupakan terbitan pertama oleh penulis. Buku kecil ini mengandungi 150 terma berkaitan dengan pentadbiran kerajaan tempatan di Malaysia.

Glossary of Local Government Terms

Produk ini merupakan terbitan kedua oleh penulis. Buku kecil ini mengandungi 50 terma berkaitan dengan kerajaan tempatan. 50 terma ini dipilih berdasarkan perbincangan yang terperinci dalam kalangan pensyarah yang mengajar kursus kerajaan tempatan. Pemilihan ini dibuat dengan memilih daripada 100 terma yang asal berdasarkan terma yang paling kerap digunakan di dalam silibus kursus kerajaan tempatan.



QR Code Mode for Local Government Terms Word Index



Produk ini merupakan terbitan ketiga oleh penulis. Semua terma yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan tempatan dikumpulkan di dalam bentuk mod kod QR dan di tampal di dalam manual kerajaan tempatan pelajar. Kaedah ini lebih ringkas dan memudahkan pelajar kerana tidak perlu lagi membawa buku kecil bersama dengan manual kursus. Pelajar hanya perlu imbas kod QR untuk mengulang kaji terma yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan tempatan.

Perlaksanaan kerajaan tempatan di Malaysia, melibatkan banyak konsep dan terma yang biasa digunakan dan menjadi rujukan utama dalam pengajaran kursus ini di universiti. Antara contoh terma yang dimasukkan di dalam produk inovasi ini adalah:

1. *Local Government definition*
2. *Decentralization*
3. *Devolution*
4. *Deconcentration*
5. *Separate Legal Entity*
6. *Infra Sovereign*
7. *Body Corporate*
8. *Financial Autonomy*
9. *Administrative Autonomy*
10. *Functional Autonomy*
11. *Inherent Competence*
12. *Aglo Saxon Doctrine*
13. *Obligatory Services*
14. *Discretionary Services*
15. *By-Laws*

Berikut Merupakan Gambar-Gambar Produk Yang Dihasilkan:





HUAWEI nova 2i
DUAL CAMERA

RUJUKAN PELAJAR

Terma yang dimuatkan di dalam buku kecil ini boleh diguna pakai sebagai rujukan segera oleh pelajar di samping manual kerajaan tempatan yang ada. Kumpulan sasaran ialah pelajar diploma semester 5 yang masih kurang jelas akan pelaksanaan pentadbiran kerajaan tempatan. Maka dengan adanya inovasi ini dapat membantu pelajar memahami terma berkaitan pentadbiran kerajaan tempatan. Inovasi ini terbukti berkesan dengan maklum balas yang diberikan oleh pelajar sepenuh masa di seluruh Malaysia yang mendaftar kursus ini (yang mendapat tawaran program AM110 Diploma Pentabiran Awam).





RUMUSAN

Dengan terhasilnya *Pocket Dictionary on Local Government*, *Glossary of Local Government Terms* dan *QR Code Mode for Local Government Terms Word Index* daripada kajian yang telah dijalankan, menunjukkan kepenggunaan yang jelas dengan membantu pelajar secara khususnya dan masyarakat setempat secara amnya dalam mengetahui dan memahami terma yang berkaitan dengan kerajaan tempatan di Malaysia. Produk inovasi ini juga telah banyak membantu para pelajar dalam mengulang kaji dan mendapat keputusan yang lebih baik dalam ujian dan juga peperiksaan akhir. Di samping itu, rakyat tempatan juga mendapat manfaat pengetahuan melalui tiga produk inovasi ini, dengan lebih memahami dan menyedari kewujudan dan kepentingan kerajaan tempatan.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA umumnya dan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) khususnya atas penajaan bagi menyertai IIEEX 2017, IIDEX 2017 dan InIIC 2018.

PRA-SYARAT

1. *International Invention & Innovative Competition (InIIC Series 2/2018). QR Code Mode for Local Government Terms Word Index.* Pingat Emas
2. *International Intellectual Exposition (IIEX 2017), Pocket Dictionary on Local Government.* Pingat Gangsa
3. *Invention, Innovation & Design Exposition (IIDEX 2017), 25-29 September 2017, Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) UiTM Shah Alam. Glossary of Local Government Terms,* Pingat Emas

RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussin. (1991). *Kerajaan Tempatan: Teori dan Peranan Di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Akta Kerajaan Tempatan. (1976) (Malaysia) (Akta 171)
- Mohd Razali Agus. (1992). *Pembangunan Perumahan: Isu Dan Prospek.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Suhaiza Binti Md Khalid, Suzei Binti Mat Nurudin @ Nordin, Zarina Binti Mohd Zain. (2017). *Konsep Pentadbiran Kerajaan Tempatan Di Malaysia: Kajian Terhadap Pemahaman Pelajar Pentadbiran Awam,* Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE), 3,7,98-107
- Nor Suhaiza Binti Md Khalid, Suzei Binti Mat Nurudin @ Nordin, Zarina Binti Mohd Zain. (2017). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan Untuk Kursus Pentadbiran Kerajaan tempatan: Dari Sudut Pandangan Pelajar,* Journal Of Humanities, Language, Culture And Business (HLCB) ,1,6,40-46
- Nor Suhaiza Binti Md Khalid, Suzei Binti Mat Nurudin @ Nordin, Zarina Binti Mohd Zain (2019). *Local Government Terms Word Index: In*

Qr Code Mode, Chapter in Book, Leading Towards Creativity & Innovation, 18

Nor Suhaiza Binti Md Khalid, Suzei Binti Mat Nurudin @ Nordin, Zarina Binti Mohd Zain. (2018). Understanding The Devolution Concept Through Glossary Of Local Government Terms, Chapter in Book, Innovation For Sustainable Growth Series 2, 59

Nor Suhaiza Binti Md Khalid, Suzei Binti Mat Nurudin @ Nordin, Zarina Binti Mohd Zain. (2017). Pemahaman Pelajar Terhadap Konsep Kerajaan Tempatan Di Malaysia: Pocket Dictionary In Local Government, Chapters in Book, International Intellectual Exposition 2017, 115

Nor Suhaiza Md Khalid, Suzei Mat Nurudin & Zarina Mohd Zain, Local Government Administration Concept In Malaysia: Review on Public Administration Students Understanding, Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE), Vol. 3: No. 7 (September 2017) page 98–108 | gbse.com.my | eISSN 24621714|

Phang siew Nooi (1997), Sistem Kerajaan Tempatan Di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia

Soeb Bin Pawi. (2013). Model Pengurusan Cukai Harta Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia JUN 2013.

Yazid Saleh, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Nasir Nayan & Mohmadisa Hashim, Peranan Kerajaan Tempatan dalam Pemuliharaan Bandar: Kajian Kes Majlis Perbandaran Taiping. (2011). Jurnal Perspektif Jil. 3 Bil. 1 (95-104)

